katanya pada pelancaran Operasi Penguatkuasaan Premis Individu (OPPI) di Kawasan Wabak Denggi di Taman Damai Jaya Makmur di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), JKNJ, Dr Shaharom Nor Azian Che Mat Din.

Mohd Khuzzan berkata, faktor lain yang menyumbang kepada kes denggi masih tinggi adalah pembuangan sampah tidak teratur.

“Orang ramai sudah dimaklumkan untuk membersihkan kawasan masing-masing daripada bekas pembiakan aedes, namun masih ada tempat pembiakan ditemui setiap kali siasatan kes denggi dijalankan,” katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, OPPI adalah aktiviti mengikut Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1965 yang dijalankan secara berkala oleh JKNJ bagi membendung penularan demam denggi di Johor.